

# BreastScreen WA

## Breast Screening Information Maklumat Umum - faktanya



### Kanser payudara - faktanya

Kanser payudara adalah kanser pengancam nyawa yang paling lazim di kalangan wanita di Australia dan ia tidak dapat dicegah.

### Faktor risiko yang terbesar yang menyebabkan kanser payudara ialah jika penderita itu wanita dan usianya meningkat.

Kanser payudara adalah sekumpulan sel abnormal yang terus-menerus tumbuh dan berganda. Sel-sel ini akhirnya mungkin menjadi suatu gumpalan di dalam payudara. Jika kanser itu tidak dibuang atau dikawal, maka sel-sel kanser itu boleh merebak ke bahagian-bahagian lain dalam tubuh dan akhirnya akan membawa maut. Mengesan kanser pada tahap awal meningkatkan peluang kejayaan rawatan.

### Siapakah yang boleh mendapat penyaringan mamogram?

BreastScreen WA memberikan penyaringan mamogram **PERCUMA** kepada wanita berumur 40 tahun atau lebih yang tidak menunjukkan gejala kanser payudara. BreastScreen WA menggalakkan wanita yang berumur antara **50 hingga 74** tahun menjalani penyaringan mamogram **PERCUMA setiap dua tahun**.

### Lebih daripada 75% kanser payudara terdapat pada wanita berumur 50 tahun dan ke atas.

BreastScreen WA menghormati privasi dan maruah setiap wanita. Anda boleh memilih sama ada hendak menjalani penyaringan mamogram. Dalam membuat keputusan ini, anda mungkin ingin membincangkan keadaan anda dengan doktor anda.

### Apakah dia penyaringan mamogram?

Penyaringan mamogram adalah X-ray, atau gambar, bahagian dalam payudara wanita. Penyaringan mamogram adalah cara terbaik untuk mengesan kanser payudara pada peringkat awal. Penyaringan mamogram boleh mengesan kanser payudara sebelum anda atau doktor anda boleh merasanya.



### Bagaimana penyaringan mamogram dijalankan?

Payudara akan diletakkan di mesin X-ray dan dimampat selama beberapa saat semasa X-ray diambil. Dua X-ray akan diambil bagi setiap payudara, satu dari atas dan satu lagi dari sisi.

Pemampatan payudara adalah penting agar gambar yang paling jelas boleh diambil dan sinaran minimum digunakan (lihat imej di bawah).

Pemampatan itu mungkin terasa ketat dan tidak selesa tetapi ia berlangsung hanya beberapa saat sahaja. Anda boleh meminta jururadiograf berhenti bila-bila masa sahaja.



### Apakah yang berlaku semasa saya melawat BreastScreen WA untuk penyaringan mamogram?

Semua kakitangan di klinik BreastScreen WA adalah wanita belaka. Apabila menjalani pemeriksaan mamogram, pakai pakaian dua helai seperti skirt atau seluar dan baju. Jangan pakai bedak talkum atau deodoran pada hari pemeriksaan anda.

Waktu anda tiba di BreastScreen WA:

- Anda akan disambut dan diminta mengisi beberapa borang.
- Anda akan dibawa ke bilik menyalin baju dan diminta menanggalkan baju dalam dan memakai semula baju anda; gaun pakai buang akan disediakan jika anda memerlukannya.
- Seorang jururadiograf akan membawa anda ke dalam bilik X-ray dan anda akan diminta menjawab beberapa soalan. Kemudian beliau akan mengambil dua X-ray bagi setiap payudara.
- Jururadiograf akan memberitahu anda bila anda boleh pulang.
- X-ray anda akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang doktor terlatih dan laporannya akan dihantar kepada anda di dalam tempoh dua minggu.
- Kadang-kadang sesetengah wanita akan dipanggil balik untuk pemeriksaan X-ray tambahan. Jika ini perlu dilakukan, seorang Jururawat Penilaian Payudara daripada BreastScreen WA akan menghubungi anda untuk membincangkan hal itu.

## Di mana boleh saya mendapat penyaringan mamogram?

BreastScreen WA mempunyai perkhidmatan penyaringan metropolitana, daerah dan bergerak.

Untuk mencari lokasi yang berdekatan dengan anda, kunjungilah laman:

[www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Breast-screening-locations](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Breast-screening-locations)

- Empat perkhidmatan bergerak akan mengunjungi bandar-bandar di desa tiap-tiap dua tahun. Untuk maklumat mengenai tarikh-tarikh kunjungan tersebut sila kunjungi laman:  
[www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Rural-and-remote-women](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Rural-and-remote-women)
- Janji temu di sebelah petang dan pada hari Sabtu juga terdapat di kebanyakan klinik.
-  Perkhidmatan kerusi roda juga disediakan di semua perkhidmatan BreastScreen WA.
- Perkhidmatan jurubahasa percuma juga ada disediakan.

## Bagaimana saya membuat janji temu?

Untuk membuat janji temu, sila hubungi 13 20 50. Jika anda memerlukan bantuan jurubahasa, sila hubungi Perkhidmatan Jurubahasa (TIS) terlebih dahulu di 13 14 50 dan minta disambungkan kepada pusat perkhidmatan tempahan BreastScreen WA di 13 20 50.

## Tempahan kumpulan

Tempahan kumpulan terdapat untuk wanita yang lebih suka menghadiri penyaringan dalam kumpulan. Untuk maklumat selanjutnya mengenai tempahan kumpulan, sila hubungi 13 20 50.

## Bahan sumber ini terdapat dalam bahasa-bahasa lain

BreastScreen WA mempunyai bahan sumber dalam bahasa-bahasa lain. Untuk mengetahui apakah bahan sumber yang terdapat, sila kunjungi laman:

[www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Multicultural-women](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Multicultural-women)



Department of  
Health



## Apa lagi yang boleh saya lakukan?

Walaupun anda sering menjalani penyaringan mamogram, BreastScreen WA menggalakkan semua wanita agar sentiasa sedar akan keadaan payudara mereka.

Menyedari keadaan payudara bererti mengetahui bagaimana rupanya payudara dan rasanya pada masa-masa yang berlainan. Banyak perubahan pada payudara adalah normal dan disebabkan oleh perubahan hormon dan peningkatan usia. Adalah penting untuk mengetahui bentuk rupa dan rasa payudara anda yang normal, supaya anda boleh mengenal pasti sebarang perubahan baru dan luar biasa. Lihat payudara anda di depan cermin dan merasa payudara anda dari semasa ke semasa.

Perubahan yang harus dicari termasuk:

- Gumpalan baru, penggumpalan atau penebalan di payudara atau di ketiak;
- Sebarang perubahan pada puting termasuk leahan, inversi puting, ulser atau rasa gatal;
- Sebarang perubahan pada saiz, bentuk atau warna puting atau payudara;
- Sebarang perubahan pada kulit seperti timbul lesung, kemerahan atau ruam
- Sebarang kesakitan baru, luar biasa atau berulang-ulang.

**Jika anda mendapati mana-mana perubahan tersebut pada payudara anda, sila berjumba doktor.**



Adalah penting untuk memeriksa semua tisu payudara dari tulang selangka ke bawah garis baju dalam dan bahagian ketiak.

**BreastScreen**  
AUSTRALIA

A joint Australian, State and Territory Government Program



**BreastScreen WA**

Telephone (08) 9323 6700 Facsimile (08) 9323 6799 Email [breastscreenwa@health.wa.gov.au](mailto:breastscreenwa@health.wa.gov.au)

**Bookings 13 20 50**

National Relay Service [www.relayservice.gov.au](http://www.relayservice.gov.au) Translating Interpreting Service (TIS) 13 14 50

**[www.breastscreen.health.wa.gov.au](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au)**